

Headline	18 pemain industri terima anugerah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Oct 2019	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	PR Value	RM 22,642



# 18 pemain industri terima anugerah

**CIDB meraikan pemain industri pembinaan di Malaysia pada MCIEA 2019**

KUALA LUMPUR

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) meraikan pemain industri pembinaan di Malaysia pada malam Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan 2019 (MCIEA) di sini malam kelmarin.

Pada majlis sama, CIDB menyampaikan anugerah kepada seramai 18 penerima.

Dianjurkan sejak tahun 2000, MCIEA mengiktiraf individu, perunding, organisasi dan projek yang menunjukkan kecemerlangan dalam meningkatkan prestasi industri pembinaan.

Menteri Kerja Raya, Baru

Bian menyampaikan empat anugerah utama kepada penerima pada majlis itu yang turut dihadiri Timbalannya, Mohd Anuar Mohd Tahir.

Turut hadir, Pengurus CIDB Malaysia, Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali dan Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir Ahmad Asri Abdul Hamid.

Pada majlis gilang-gemilang itu, Naib Presiden Eksekutif Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), Datuk Seri Ir Dr Judin Abdul Karim merangkul anugerah 'Prominent Player Award'.

Anugerah 'Construction Leading Lady Award' pula dianugerahkan kepada Pengarah Eksekutif KLCC Projeks Sdn Bhd, Datuk Hashimah Hashim, manakala Pengarah Urusan OCNEED Water Technology Sdn Bhd, Dennis Tan Soo Huang menerima anugerah 'CEO of The Year Award'.

Sunway Construction Sdn Bhd pula menerima anugerah 'Contractor of The Year' sebagai penghargaan kepada pencapaian mengagumkan syarikat berkenaan dalam industri.



Baru (empat dari kanan), Mohd Anuar (empat dari kiri), Ahmad Tajuddin (dua dari kanan) dan Ahmad Asri (tiga dari kiri) bersama penerima anugerah utama pada Majlis Malaysian Construction Industry Excellence Awards 2019 di Kuala Lumpur malam kelmarin.

Bagi memastikan industri pembinaan di Malaysia bergerak ke hadapan secara keseluruhan, pemain industri perlu mempraktikkan amalan yang baik. Sementara itu, Ahmad Asri berkata, CIDB menggalakkan pemain industri pembinaan meruskan kecemerlangan mereka sekali gus meningkatkan standard industri pembinaan di Malaysia.

"Bagi memastikan industri pembinaan di Malaysia bergerak ke hadapan secara keseluruhan, pemain industri perlu mempraktikkan amalan yang baik.

"Bagaimanapun, CIDB mengambil langkah ke hadapan dengan menggalakkan pembangunan secara holistik," katanya.

Sementara itu, dua projek

mega turut diberi anugerah iaitu Equatorial Plaza memenangi 'Best Project Award - Building (Major Category)' manakala Projek The Klang Valley Mass Rapid Transit Project: Sungai Buloh - Kajang Line memenangi anugerah 'Best Project Award - Infrastructure (Major Category)'.